



PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) 2023-2028

**PERBADANAN STADIUM DARUL MAKMUR
(PSDM)**

HAK CIPTA TERPELIHARA
@PERBADANAN STADIUM DARUL MAKMUR

DITERBITKAN OLEH :
PERBADANAN STADIUM DARUL MAKMUR,
TINGKAT 1, PERBADANAN STADIUM DARUL
MAKMUR, JALAN DATO LIM HOE LEK, 25200
KUANTAN, PAHANG.

No. Tel : 09-5142637 - 019-9922637
Email : psdm.pahang@gmail.com
Laman Web : www.psdm.gov.my



PERUTUSAN PENGURUS

Pelan Organisasi Antirasuah (OACP) adalah salah satu usaha tersusun dan sistematik yang telah di aspirasikan dari Pelan Antirasuah Nasional (NACP) di peringkat organisasi dalam merealisasikan sebuah negara yang bebas dari rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.

Maka, Perbadanan Stadium Darul Makmur sebagai salah satu dari agensi jabatan kerajaan turut bersama menyahut seruan ini telah menyediakan Pelan Organisasi Anti rasuah bagi menzahirkan komitmen dan kesungguhan untuk meningkatkan integriti di kalangan kakitangannya. Walaupun jabatan ini bukanlah sebuah jabatan yang mempunyai potensi besar untuk berada dalam situasi rasuah, namun sebagai langkah pencegahan, maka pelan ini diharap akan menutup pintu-pintu atau peluang-peluang bagi rasuah ini berlaku dalam sebuah institusi agama.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada jawatankuasa atas kesungguhan mereka dalam menyediakan pelan ini.

Semoga hasrat kita untuk menjadi sebuah negara yang bebas daripada rasuah beriya kita realisasikan dan akhirnya menjadi sebuah negara maju.

Pengurus

Perbadanan Stadium Darul Makmur



Pembentukan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2022-2028 di peringkat Perbadanan Stadium Darul Makmur merupakan usaha Jabatan dalam mendukung aspirasi Kerajaan dalam memastikan Malaysia dikenali dengan integritinya dan bukan kerana rasuahnya. Pelan yang komprehensif dan inklusif in dibangunkan selaras dengan penggubalan Pelan Anti rasuah Nasional atau lebih dikenali sebagai "National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023". Penggubalan plan in berpandukan kepada Objektif Strategik iaitu Merekayasa Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Baik di bawah inisiatif yang mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan OACP.

Kerangka pelan ini adalah hasil daripada perbincangan yang dijalankan di peringkat Jabatan melibatkan pelbagai unit untuk membangunkan plan yang lengkap meliputi semua aspek yang berkait rapat dengan Jabatan. Kerjasama semua pihak yang terlibat bersama pemegang taruh dalam membudayakan integriti merupakan gambaran komitmen yang tinggi demi menjayakan aspirasi Jabatan. Pelan ini juga diharapkan mampu mengatasi kelemahan integriti dan tadbir urus dalam organisasi.

Maka, Perbadanan Stadium Darul Makmur berjanji dan komited dalam membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa seta pengamalan nilai-nilai baik.

Semoga dengan inisiatif ini hasrat untuk menjadikan **Malaysia Bebas Rasuah** menjadi realiti.



IKRAR INTEGRITI

Perbadanan Stadium Darul Makmur komited dalam melaksanakan semua polisi dan prosedur bagi mencegah, memantau dan memerangi sebarang bentuk rasuah melibatkan semua kakitangan dan pihak berkepentingan kearah pencapaian perkhidmatan yang cekap dan berintegriti.

Perbadanan Stadium Darul Makmur tidak akan bertoleransi terhadap semua bentuk rasuah dan komited untuk:-

1. Memerangi rasuah dan mengekalkan persekitaran kerja bebas rasuah bagi semua kakitangan dan pihak berkepentingan;
2. Memenuhi keperluan pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) 2023-2028;
3. Menegakkan semua undang-undang yang berkaitan termasuklah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, prosedur dan lain-lain arahan yang berkaitan;
4. Mewujudkan program yang boleh mengenalpasti, menganalisa, mencegah dan melaksana bagi mencapai objektif OACP;
5. Menyediakan saluran dan menggalakkan pelaporan berkenaan aktiviti berunsur rasuah dan kelakuan tidak wajar. Jaminan Perlindungan akan diberikan kepada pemberi maklumat yang melapurkan salah laku rasuah di kalangan anggota kerja;
6. Memastikan isu rasuah yang diurus oleh Unit Integriti akan diselia secara bebas dan bertanggungjawab;
7. Mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas mana-mana kakitangan yang didapati tidak mematuhi dasar antirasuah yang berkaitan; dan
8. Memastikan penilaian semula dan penambahbaikan OACP dilaksanakan secara berterusan.



BAB 1

PENGENALAN

- 1.1 Latar Belakang**
- 1.2 Visi, Misi & Objektif Jabatan**
- 1.3 Dasar Integriti & Tadbir Urus**
- 1.4 Pelan Integriti Nasional (PIN)**
- 1.5 Pelan Integriti Organisasi (PIO)PSDM**



"KATAKAN TIDAK PADA RASUAH"



LATAR BELAKANG ORGANISASI

Perbadanan Stadium Darul Makmur ini telah ditubuhkan di bawah Enakmen No. 19. Enakmen ini boleh dinamakan Enakmen Perbadanan Stadium Darul Makmur Pahang, 1973 (Disemak 2018) dan tarikh yang ditetapkan untuk mula berkuatkuasanya versi semakan ini menurut perenggan 5(1)(xxiv) Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Pahang) 2005 [Enakmen 1] ialah pada 07 Jun 2018. Penubuhan Perbadanan Stadium Darul Makmur (Perbadanan) yang kekal turun temurun dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya dan boleh membuat kontrak.

Perbadanan diberikuasa untuk mengurus dan menyenggara Stadium Darul Makmur Pahang menurut kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen 4(1) Enakmen Perbadanan Stadium Darul Makmur Pahang. Perbadanan mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa perkiraan dengan mana-mana orang mengikut apa-apa cara yang difikirkannya sesuai, sama ada dengan tujuan untuk berkongsi keuntungan atau selainnya, untuk mengurus dan menyenggara Stadium Darul Makmur Pahang bagi pihaknya

Tujuan utama penubuhannya adalah:

- i. Untuk menubuh, mengurus dan menyenggara mana-mana stadium untuk digunakan berhubung dengan suatu sukan, kegiatan-kegiatan kebudayaan, permainan, olahraga, riadah, parentang masa, pertunjukan dan perbarisan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan;
- ii. Untuk memperoleh dengan cara membeli, hadiah atau lain-lain cara harta yang boleh dialih dan yang tak boleh dialih dan apa-apa kepentingan di dalamnya yang diperolehi sedemikian itu oleh Perbadanan;



- ii. Untuk menubuh, mengurus dan menyenggara mana-mana stadium untuk digunakan berhubung dengan suatu sukan, kegiatan-kegiatan kebudayaan, permainan, olahraga, riadah, parentang masa, pertunjukan dan perbarisan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan;
- iv. Untuk memperoleh dengan cara membeli, hadiah atau lain-lain cara harta yang boleh dialih dan yang tak boleh dialih dan apa-apa kepentingan di dalamnya yang diperolehi sedemikian itu oleh Perbadanan;
- v. Untuk mendirikan sesuatu bangunan di atas mana-mana harta yang tak boleh dialih kepunyaan Perbadanan dan membuat lay out dan menyediakan harta itu untuk sesuatu sukan, kegiatan kebudayaan, permainan, olahraga, riadah, parentang masa, pertunjukan dan perbarisan yang sesuai atau mudah diadakan di atasnya, mengadakan tempat-tempat duduk, astaka, gymnasium, bilik-bilik minuman, kedai, gerai, tandas dan lain-lain keperluan dan kemudahan berhubung dengannya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan dan untuk menyenggara atau membina semula mana-mana bangunan yang terdiri di atas tanah Perbadanan; menyenggara Stadium Darul Makmur Pahang menurut kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen 4(1) Enakmen Perbadanan Stadium Darul Makmur Pahang. Perbadanan mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa perkiraan dengan mana-mana orang mengikut apa-apa cara yang difikirkannya sesuai, sama ada dengan tujuan untuk berkongsi keuntungan atau selainnya, untuk mengurus dan menyenggara Stadium Darul Makmur Pahang bagi pihaknya
- vi. Untuk mengadakan atau menganjurkan sesuatu sukan, kegiatan-kegiatan kebudayaan, permainan, olahraga, riadah, parentang masa, pertunjukan dan perbarisan;



iv. Untuk membenarkan semua penjual makanandan minuman yang berlesen untuk menjalankan perniagaannya;

i. Untuk melantik pegawai-pegawai, wakil-wakil dan kakitangan-kakitangan, mengikut syarat-syarat yang mengenai gaji dan sebaliknya sebagaimana yang ditentukannya; dan

dengan kebenaran Menteri Besar untuk mengguna atau membenarkan penggunaan harta Perbadanan bagi maksud-maksud selain daripada yang disebutkan di sini terdahuludari ini sebagaimana yang ditentukannya.



HALA TUJU STRATEGIK PERBADANAN STADIUM DARUL MAKMUR

VISI

Menubuh, mengurus dan menyelenggara Stadium untuk digunakan berhubung dengan suatu sukan, kegiatan-kegiatan kebudayaan, permainan, olahraga, riadah, perentang masa, pertunjukkan dan perbarisan

MISI

Menjadi antara stadium bereputasi cemerlang

OBJEKTIF

Menyediakan perkhidmatan sokongan yang cemerlang/ terbaik dalam pembangunan sukan Negeri Pahang dan sebagai pusat kecemerlangan dalam pengurusan stadium



DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Dalam usaha ke arah bergelar status Negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanterasan gejala rasuah telah menjadi tunjang Negara. Oleh itu, terdapat beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang telah dilancarkan pada bulan April 2004 dengan matlamat melahirkan masyarakat bermoral dan beretika tinggi selaras dengan Wawasan 2020.

Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang pertama kali diadakan dan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada Jun 2018. Dalam mesyuarat ini, satu keputusan untuk merangka dan membangunkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi menggantikan PIN. Pelan ini bertujuan menetapkan sasaran dan hala tuju melalui segala inisiatif yang telah dikenal pasti bagi menangani is ketirisan, integriti, rasuah dan tadbir urus dalam pengurusan PSDM bagi tempoh tiga (3) tahun akan datang.

Tambahan itu, pelbagai bentuk usaha pencegahan rasuah yang sedia ada sama ada melalui Pelan Antirasuah Nasional (PIN), Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (CTP 2.0), Pelan Integriti Organisasi (PIO) dan yang terkini adalah Pelan Antirasuah Organisasi (OACP). Pelbagai aspek ditambah baik, dikaji dan diolah agar lebih komprehensif serta menyeluruh demi ke berkesannya dapat dilihat. Pelan ini juga perlu dilaksanakan melalui tadbir urus yang lebih baik manakala sistem arahan pelaksanaan dan pelaporannya juga perlu lebih jelas.



PELAN INTEGRITI NASIONAL (PIN)

Pelan Integriti Nasional (PIN) dengan objektif khusus bagi meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama daripada pelbagai sektor lapisan masyarakat terhadap integriti. Agenda ini bertujuan menjadikan integriti sebagai budaya masyarakat, memperkukuhkan asas moral masyarakat dan Negara di samping meningkatkan daya saing dan daya tahan Negara dalam usaha menangani cabaran globalisasi.

Fasa pertama PIN adalah bertujuan:

- Mengurangkan gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan secara berkesan
- Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan dan mengatasi karenah birokrasi dan penyelewengan
- Meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan
- Meningkatkan kualiti infrastruktur sukan dalam negeri
- Membangunkan tenaga kerja yang kompeten dan berintegriti



PELAN INTEGRITI ORGANISASI (PIO) **PERBADANAN STADIUM DARUL MAKMUR**

Perbadanan Stadium Darul Makmur sentiasa menyokong usaha kerajaan dalam membanteras rasuah selaras dengan hasrat dan inspirasi PIN, Perbadanan Stadium Darul Makmur telah mengambil inisiatif selari dengan dasar dan tadbir urus nasional dengan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2023 - 2028 bagi penerapannilai-nilai murni dalam membentuk jati diri, akauntabiliti dan keperibadian yang tinggi kepada warga Perbadanan Stadium Darul Makmur sejajar dengan visi dan misi



BAB 2

ISU DAN CABARAN

- 1.1 Isu Dan Cabaran Memerangi Rasuah**
- 1.2 Mengenal Pasti Risiko Rasuah**
- 1.3 Keperluan Menangani Rasuah**
- 1.4 Unit-Unit Yang Cenderung Kepada Rasuah**



ISU DAN CABARAN **MEMERANGI RASUAH**

Isu rasuah wujud dalam pelbagai sektor dan bidang, tanpa mengira status atau kedudukan individu yang memberi atau menerima rasuah. Tekanan ekonomi dan sosial membuka ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah dan pelanggaran etika dalam pengurusan awam. Secara amnya, isu rasuah boleh dibahagi kepada tiga (3) bidang iaitu;

1. TADBIR URUS

- Peruntukan undang-undang (Akta) yang tidak lagi bertepatan yang menjurus kepada kelemahan penguatkuasaan
- Berlakunya penyelewengan di dalam urusan yang melibatkan perolehan

2. INTEGRITI

- Berlakunya penyelewengan di dalam urusan yang melibatkan perolehan
- Campur tangan pihak politik yang menyebabkan sesuatu keputusan terjejas.

3. SOSIAL

- Ikatan sosial yang rapuh menyebabkan hubungan bersifat materialistik dan terdapat kepentingan tersendiri.
- Tiada sifat tanggungjawab dan prihatin terhadap sesuatu perkara yang dilakukan



MENGENAL PASTI RISIKO RASUAH

APAKAH PENGURUSAN RISIKO RASUAH.

Satu alat pengurusan (Management Tool) yang digunakan untuk menangani isu-isu risiko rasuah dengan menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan anti rasuah dan mendukung nilai integriti.

CRM adalah satu proses pengurusan yang membantu organisasi untuk mengenal pasti risiko-risiko rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta menyediakan pelan pengurusan risiko yang sistematik sehingga mewujudkan tadbir urus terbaik yang boleh menutup ruang peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.



KEPERLUAN MENANGANI RASUAH

Rasuah merupakan suatu jenayah atau kesalahan undang-undang di mana seseorang mendapat kebebasan, kontrak atau keistimewaan daripada pihak berkuasa atau sesebuah syarikat selepas member wang, hadiah, keraian kepada pihak-pihak tersebut.


Gejala rasuah secara amnya, ialah satu bentuk urus niaga yang berkisar kepada pertukaran kepentingan antara satu pihak yang berkuasa dengan pihak yang berkepentingan. Seajar dengan perkembangan dunia, kepesatan ekonomi dan kemajuan dalam teknologi maklumat, cara pelakuan rasuah semakin jauh berubah. Daripada konsep rasuah kecil-kecilan, ia telah beralih ke konsep rasuah yang lebih besar jaringannya, lebih kompleks dan lebih banyak terselindung.

Kebanyakan punca rasuah juga dikatakan berlaku disebabkan oleh faktor individu itu sendiri. Kelemahan sahsiah peribadi adalah masalah yang sukar untuk ditangani. Kelemahan sifat peribadi ini berlaku disebabkan kurangnya integriti serta jati diri dalam diri individu terbabit. Kemajuan sesebuah negara bergantung kepada cerdik pandai dan tenaga profesional yang ada. Kegiatan rasuah akan hanya menghakis kepercayaan orang awam terhadap cerdik pandai negara kita.

Justeru itu, pelbagai langkah dalam membendung dan menangani gejala rasuah ini perlu di laksana dan disokong oleh semua pihak memandangkan rasuah mampu meninggalkan implikasi terhadap semua pihak. Sesungguhnya, tanpa rasuah segala urusan pembangunan dapat berjalan dengan lancar. Keadilan serta kesaksamaan dalam masyarakat akan dapat dipertahankan dan semua rakyat tanpa mengira kedudukan juga bangsa akan hidup dengan aman.



SEKTOR YANG CENDERUNG KEPADA RASUAH



Statistik daripada SPRM pada tahun 2013-2018 telah menggariskan beberapa bidang yang berpotensi tinggi terdedah oleh gejala rasuah. Oleh itu, Sesi Pembangunan Organizational Anti Corruption Plan (OACP) PSDM yang telah diadakan pada 10 Januari 2023 memutuskan untuk memberi penekanan dan keutamaan kepada Empat (4) bidang berisiko.

LANGKAH-LANGKAH KOMPREHENSIF

Usaha membasmi masalah rasuah dalam negara kita boleh diambil dengan mengambil langkah komprehensif yang meliputi semua sudut. Antara langkah yang perlu diambil untuk mengatasi gejala rasuah ini ialah dengan menguatkuasakan undang-undang dan hukuman yang berkaitan dengan isu rasuah seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694), Kanun Keseksaan (Akta 574), dan lain-lain lagi. Hukuman yang berat perlu dijatuhi kepada pesalah rasuah agar mereka serik untuk melakukan jenayah rasuah serta dapat menjadi pengajaran kepada masyarakat umum.

Menerusi langkah ini juga seluruh anggota masyarakat akan sedar bahayanya kesan aktiviti rasuah in. Usaha galakan juga harus diberikan kepada individu serta masyarakat umum yang ingin tampil membantu. Pihak kerajaan hendaklah sentiasa memastikan segala akta berkaitan dapat membantu golongan terbabit tampil membantu dan menyalurkan segala maklumat berkaitan dengan kesalahan rasuah tanpa rasa takut serta menghadapi masalah sampingan.

Ini dapat dilakukan menerusi akta yang berkaitan seperti Akta Melarikan Orang dan Mengugut Saksi Secara Jenayah 1947 (Pindaan 1977) /Akta 191)) Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696) dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).



BAB 3

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

- 3.1 Isu Dan Masalah Yang Dicapangkan Dalam Kerangka OACP PSDM
- 3.2 Analisis Kuadran
- 3.3 Bidang Keutamaan Berisiko
- 3.4 Pelan Tindakan OACP PSDM



ISU DAN MASALAH YANG DICADANGKAN **DALAM KERANGKA OACP**

Setiap isu yang timbul akan diperincikan lagi menjadi pelbagai bidang yang cenderung terhadap gejala rasuah. Data pelbagai bidang ini kemudiannya di analisa berdasarkan nilai kekerapan untuk tempoh lima tahun (2023-2028) dan impaknya terhadap organisasi, ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Isu kelemahan tadbir urus dan integriti merupakan isu yang sentiasa dititik beratkan dalam mesyuarat pengurusan. Berbagai-bagai kaedah telah dirancang bagi tujuan penambahbaikan dalam usaha memantapkan proses kerja di Jabatan ini. Perancangan ini juga adalah bertujuan untuk menutup ruang dan peluang dari berlakunya ketidakpatuhan (non-compliance) dalam melaksanakan fungsi jabatan.

Pihak Pengurusan juga telah meneliti punca-punca kelemahan yang wujud dan memperakukan inisiatif-inisiatif serta nasihat bag mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengatasi risiko-risiko yang telah dikenal pasti.



ANALISIS KUADRAN

Analisis Kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi 30 inisiatif yang dikenal pasti berdasarkan punca rasuah yang ditemui. 30 inisiatif ini ditentukan berdasarkan analisa tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. Ringkasan 30 inisiatif berkenaan adalah seperti berikut :

KUADRAN A

Kuadran A mewakili inisiatif **BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI RENDAH**

KUADRAN B


Kuadran B mewakili inisiatif **BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI TINGGI**

KUADRAN C

Kuadran C mewakili inisiatif **BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI RENDAH**

KUADRAN D

Kuadran D mewakili inisiatif **BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI TINGGI**



IMPAK : Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui kejayaan dalam sesuatu pelaksanaan inisiatif.

KOMPLEKSITI : Kesukaran atau kerumitan dalam melaksanakan sesuatu inisiatif

BIDANG-BIDANG BERISIKO

KEWANGAN

Memandangkan kewangan dan perolehan melibatkan sejumlah besar wang jabatan, maka ia perlu diuruskan dengan efisien supaya tidak terdedah kepada rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan demi melindungi kepentingan awam

PENTADBIRAN

Pentadbiran merujuk kepada aktiviti pengurusan sumber manusia dan modal insan berpandukan kepada sistem peraturan, amalan dan proses kerja yang telah ditetapkan oleh Kerajaan melalui dasar dan peraturan yang berkuat kuasa

TEKNIKAL

Fungsi Unit Teknikal merangkumi penyelenggaraan aset-aset Jabatan. Justeru pengurusan penyelenggaraan peralatan dan fasiliti secara telus dan mengikut prosedur amat penting bagi memastikan tidak ada mana-mana syarikat tertentu yang memonopoli perkhidmatan-perkhidmatan tersebut di Perbadanan Stadium Darul Makmur.

PEMASARAN

Pemasaran merujuk kepada aktiviti penyewaan fasiliti jabatan bagi mendapatkan sumber pendapatan berpandukan kepada sistem peraturan, amalan dan proses kerja yang telah ditetapkan oleh Kerajaan melalui dasar dan peraturan yang berkuat kuasa.



KERANGKA UTAMA OACP PSDM

VISI	MEMBENTUK WARGA BERINTEGRITI DAN BESAS RASUAH			
MISI	MEMBUDAYAKAN INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM			
MATLAMAT	1. MENINGKATKAN KEUPAYAAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MELALUI TADBIR URUS 2. MENGHAPUSKAN RASUAH MELALUI PEMERKASAAN GOVERNANS DAN INTEGRITI 3. MENINGKATKAN KOMPETENSI, JATI DIRI DAN DAYA SAIN WARGA PSDM			
BIDANG KEUTAMAAN	KEWANGAN	PENTADBIRAN	TEKNIKAL	PEMASARAN
STRATEGI	MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN KETELUSAN DALAM TATACARA PEROLEHAN	MENINGKATKAN KECEKAPAN INTEGRITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM	MENAMBAHBAIK PROSEDUR POLISI PENYEWAAN	MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN PELAKSANAAN INTEGRITI
OBJEKTIF STRATEGI	Meningkatkan ketelusan kewangan dan perolehan serta pengurusan risiko rasuah	Membudayakan kerja yang berintegriti dalam perkhidmatan awam	Mempertingkatkan prosedur (sop)	Meningkatkan penggunaan prosedur penyewaan bagi mengurangkan risiko rasuah
	Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam	Memperkuatkan keselamatan dokumen rasmi jabatan	Memperkuatkan keselamatan aset jabatan	Meningkatkan penyampaian pelanggan dengan telus dan beretika
	Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan	Memperkasakan Akauntabiliti Penjawat Awam		
	Mempertingkatkan keberkesanan kawalan terimaan			
	Memperkuatkan kecekapan pengurusan kewangan			

KEUTAMAAN STRATEGI

Ringkasan berikut menunjukkan 30 inisiatif yang telah dikenal pasti dan perlu diberi keutamaan. Ia berdasarkan lima (3) strategi iaitu utama perolehan & kewangan, pentadbiran & pemasaran, dan teknikal. 30 inisiatif in dikenal pasti berdasarkan jangkaan impak dan keperluan kesegeraan untuk menangani rasuah.

BIL	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1	Memperkasakan mekanisme pemantauan bagi segala tuntutan yang dibuat oleh	A	1
2	Mengonakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang terlibat	A	1
3	Mewujudkan polisi kawalan dalaman yang jelas	C	1
4	Mewujudkan polisi kawalan dalaman yang jelas	A	1
5	Menambah baik Garis Panduan tatacara	B	1
6	Menganjurkan Kursus Integriti dan Tata tertib	C	1, 2
7	Mengadakan pemeriksaan mengejut	C	1
8	Mengadakan latihan/kursus Tatacara Perolehan Kerajaan	C	1
9	Mewujudkan polisi kawalan dalaman yang jelas	C	1
10	Mengadakan latihan/kursus Tatacara Perolehan Kerajaan	A	1
11	Mengadakan kursus Integriti dan tatacara pengurusan perolehan	A	1
12	Mengadakan kursus Integriti dan tatacara pengurusan perolehan	A	1
13	Meningkatkan kesedaran pegawai dengan menghadiri kursus tatacara pengurusan kewangan	C	1
14	Melaksanakan pusingan kerja	A	1
15	Menambah baik garis panduan	A	1

BIL	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
16	Membuat pemantauan berkala keberadaan kakitangan	C	2
17	Memberi kesedaran kepada kakitangan etika pentadbir awam	C	2
18	Mengambil tindakan ke atas ketidakpatuhan kakitangan	C	2
19	Memperkenalkan mekanisme pemantauan pengurusan isu pegawai jabatan	C	2
20	Memastikan tindakan punitif diambil kepada pegawai yang terlibat	C	2
21	Memperkasakan latihan berkaitan pengurusan fail kepada pegawai	A	2
22	Memperkenalkan mekanisme pengendalian dokumen/rekod rasmi kerajaan berdasarkan protokol	A	2
23	Menganjurkan program latihan pengurusan aset dan taklimat pemeriksaan aset kepada pegawai pemeriksa berkaitan aset	B	2
24	Menganjurkan program latihan pengurusan aset dan taklimat pemeriksaan aset kepada pegawai pemeriksa berkaitan aset	B	2
25	Mempujuk kesedaran kepada semua pegawai tentang pengendalian aset jabatan	B	2
26	Menganjurkan program latihan pengurusan aset dan taklimat pemeriksaan aset kepada pegawai pemeriksa berkaitan aset	B	2
27	Membuat senarai berkala surat-surat penurutan kuasa	B	2
28	Sentiasa mengingatkan Ahli Lembaga kepimpinan pelaksanaan mesyuarat jawatankuasa bagi mendapatkan keputusan	A	2
29	Mewujudkan Polisi Panduan Penyewaan yang lebih ketat	A	3

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI PERBADANAN STADIUM DARUL MAKMUR

30 INISIATIF
3 STRATEGIK

9 OBJEKTIF STRATEGIK

3 BIDANG KEUTAMAAN

7
JANGKA
PENDEK 1
TAHUN

25
JANGKA
PANJANG
1-3 TAHUN

BIL	BIDANG KEUTAMAAN	OBJEKTIF STRATEGIK	INISIATIF
1	PEROLEHAN & KEWANGAN	5	15
2	PENTADBIRAN & PEMASARAN	3	14
3	TEKNIKAL	1	1

VISI DAN MISI PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) PSDM 2023-2028

VISI

Membentuk Warga PSDM
Bertintegriti Dan Bebas
Rasuah

MISI

Membudayakan Integriti Dalam
Perkhidmatan PSDM

MATLAMAT

Meningkatkan keupayaan
penyampaian perkhidmatan
melalui tadbir urus yang telus,
cekap dan berkesan


Menghapuskan rasuah melalui
pemeriksaan governans dan
integriti

Meningkatkan kompetensi, jati
diri dan daya saing warga
PSDM

AHLI JAWATANKUASA

PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI

(OACP) PSDM 2023 - 2028



BIDANG KEUTAMAAN

BIDANG KEUTAMAAN	STRATEGI	OBJEKTIF STRATEGIK (OS)	RISIKO	INISIATIF
KEWANGAN	STRATEGI 1 MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DALAM TATACARA PEROLEHAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN	OS 1.1 Meningkatkan ketelusan kewangan dan perolehan serta pengurangan risiko rasuah	1	4
		OS 1.2 Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam	2	5
		OS 1.3 Mempertingkatkan keberkesanan kawalan dalaman dalam perolehan	2	3
		OS 1.4 Mempertingkatkan keberkesanan kawalan terimaan	1	1
		OS 1.5 Memperkukuhkan kecekapan pengurusan kewangan	1	2
PENTADBIRAN	STRATEGI 2 MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN INTEGRITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM	OS.2.1 Membudayakan etika kerja yang berintegriti dalam pentadbiran awam	4	1
		OS 2.2 Memperkukuhkan keselamatan aset dan dokumen rasmi kerajaan	4	2
		OS 2.3 Memperkasakan Akauntabiliti Penjawat Awam	2	2
TEKNIKAL	STRATEGI 3 MENAMBAH PROSEDUR/POLISI PENYEWAAN DAN PENAMBAHBAIKAN FASALITI	OS 3.1 Memperkukuhkan keselamatan aset dan dokumen rasmi kerajaan	3	1

BIDANG KEUTAMAAN : KEWANGAN

BIDANG KEUTAMAAN	PEROLEHAN DAN KEWANGAN		
STRATEGI 1	MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN DALAM TATACARA PEROLEHAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN		
OBJEKTIF STRATEGI	MENINGKATKAN KETELUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN, SERTA PENGURANGAN RISIKO RASUAH		
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
TUNTUTAN PALSU MELIBATKAN WARGA JABATAN	MEMPERKASAKAN MEKANISME PEMANTAUAN BAGI SEGALA TUNTUTAN YANG DIBUAT OLEH PEGAWAI	KEWANGAN	1 TAHUN (2023-2024)
	MENGENAKAN TINDAKAN PUNITIF KEPADA PEGAWAI DAN PENYELIA YANG TERLIBAT	PENTADBIRAN	1 TAHUN (2023-2024)
	MENGADAKAN LATIHAN/KURSUS KESEDARAN PEGAWAI BERKAITAN AKTA SPRM 2009 SEKSYEN 18 (MENGEMUKAKAN DOKUMEN YANG MEMPUNYAI BUTIRAN PALSU	PENTADBIRAN	2 TAHUN (2023-2025)
	MEWUJUDKAN POLISI KAWALAN DALAMAN YANG JELAS.	PENTADBIRAN	1 TAHUN (2023-2024)

BIDANG KEUTAMAAN : KEWANGAN

BIDANG KEUTAMAAN	PEROLEHAN DAN KEWANGAN		
STRATEGI 1	MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN DALAM TATACARA PEROLEHAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN		
OBJEKTIF STRATEGI	MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM		
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
BAYARAN DIBUAT KEPADA KONTRAKTOR BAGI KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN	MENAMBAHBAIK GARIS PANDUAN TATACARA TUNTUTAN	PENTADBIRAN	3 TAHUN (2023-2026)
	KURSUS INTEGRITI DAN TATATERTIB	PENTADBIRAN	1 TAHUN (2023-2024)
	MENGADAKAN PEMERIKSAAN MENGEJUT	PENTADBIRAN	1 TAHUN (2023-2024)
PESANAN PEMBELIAN KERAJAAN TIDAK DIKELUARKAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM BEKALAN BARANGAN/ PERKHIDMATAN DITERIMA	MENGADAKAN LATIHAN/KURSUS TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN	PENTADBIRAN	3 TAHUN (2023-2026)
	MEWUJUDKAN POLISI KAWALAN DALAMAN YANG JELAS	PENTADBIRAN	3 TAHUN (2023-2026)

BIDANG KEUTAMAAN : KEWANGAN

BIDANG KEUTAMAAN	PEROLEHAN DAN KEWANGAN		
STRATEGI 1	MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN DALAM TATACARA PEROLEHAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN		
OBJEKTIF STRATEGI	MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN KAWALAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM		
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
JAWATANKUASA SPESIFIKASI TIDAK DIWUJUDKAN	MENGADAKAN LATIHAN/KURSUS TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN	PENTADBIRAN	3 TAHUN (2023-2026)
	MENGADAKAN KURSUS INTEGRITI DAN TATACARA PENGURUSAN PEROLEHAN		
INTEGRITY PACT TIDAK DILAKSANAKAN BAGI SEMUA PEROLEHAN YANG DILAKSANAKAN	MENGADAKAN KURSUS INTEGRITI DAN TATACARA PENGURUSAN PEROLEHAN	PENTADBIRAN	3 TAHUN (2023-2026)

BIDANG KEUTAMAAN : KEWANGAN

BIDANG KEUTAMAAN	PEROLEHAN DAN KEWANGAN		
STRATEGI 1	MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN DALAM TATACARA PEROLEHAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN		
OBJEKTIF STRATEGI	MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN KAWALAN TERIMAAN		
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
KESILAPAN DARI SEGI CATATAN DI PENYATA MENGENAI BORANG HASIL YANG DIKAWAL	MENGADAKAN LATIHAN/KURSUS TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN	PENTADBIRAN	3 TAHUN (2023-2026)

BIDANG KEUTAMAAN : KEWANGAN

BIDANG KEUTAMAAN	PEROLEHAN DAN KEWANGAN		
STRATEGI 1	MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN DALAM TATACARA PEROLEHAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN		
OBJEKTIF STRATEGI	MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN PENGURUSAN KEWANGAN		
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
BAUCER BAYARAN TIDAK MEMATUHI KRITERIA KAWALAN DALAMAN PROSES BAYARAN	MELAKSANAKAN PUSINGAN KERJA	PENTADBIRAN	3 TAHUN (2023-2026)
	MENAMBAHBAIK GARIS PANDUAN		

BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN DAN PEMASARAN		
STRATEGI 1	MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN INTEGRITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM		
OBJEKTIF STRATEGI	MEMBUDAYAKAN ETIKA KERJA YANG BERINTEGRITI DALAM PENTADBIRAN AWAM		
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
KETIADAAN PEGAWAI DI PEJABAT KETIKA WAKTU KERJA	MEMBUAT PEMANTAUAN BERKALA KEBERADAAN KAKITANGAN	PENTADBIRAN	1 TAHUN (2023-2024)
	MEMBERI KESEDARAN KEPADA KAKITANGAN ETIKA PENJAWAT AWAM		3 TAHUN (2023-2026)
TIDAK MENEPATI WAKTU KEHADIRAN KERJA	MENGAMBIL TINDAKAN KE ATAS KETIDAKPATUHAN KAKITANGAN	PENTADBIRAN	3 TAHUN (2023-2026)
PEMALSUAN SIJIL CUTI SAKIT	MENGANJURKAN KURSUS INTEGRITI DAN TATATERTIB	PENTADBIRAN	3 TAHUN (2023-2026)
KERJA HAKIKI TERTANGGUH KERANA PEGAWAI MENGUTAMAKAN AKTIVITI LUAR/ SAMPINGAN	MENGAMBIL TINDAKAN KE ATAS KETIDAKPATUHAN KAKITANGAN	PENTADBIRAN	3 TAHUN (2023-2026)

BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN		
STRATEGI 1	MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN INTEGRITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM		
OBJEKTIF STRATEGI	MEMBUDAYAKAN ETIKA KERJA YANG BERINTEGRITI DALAM PENTADBIRAN AWAM		
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
KETIADAAN PEGAWAI DI PEJABAT KETIKA WAKTU KERJA	MEMBUAT PEMANTAUAN BERKALA KEBERADAAN KAKITANGAN	PENTADBIRAN	1 TAHUN (2023-2024)
	MEMBERI KESEDARAN KEPADA KAKITANGAN ETIKA PENJAWAT AWAM		5 TAHUN (2023-2028)
TIDAK MENEPATI WAKTU KEHADIRAN KERJA	MENGAMBIL TINDAKAN KE ATAS KETIDAKPATUHAN KAKITANGAN	PENTADBIRAN	5 TAHUN (2023-2028)
PEMALSUAN SIJIL CUTI SAKIT	MENGANJURKAN KURSUS INTEGRITI DAN TATATERTIB	PENTADBIRAN	5 TAHUN (2023-2028)
KERJA HAKIKI TERTANGGUH KERANA PEGAWAI MENGUTAMAKAN AKTIVITI LUAR/ SAMPINGAN	MENGAMBIL TINDAKAN KE ATAS KETIDAKPATUHAN KAKITANGAN	PENTADBIRAN	5 TAHUN (2023-2028)

BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN

BIDANG KEUTAMAAN	PENTADBIRAN		
STRATEGI 1	MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN INTEGRITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM		
OBJEKTIF STRATEGI	MEMPERKASAKAN PENTADBIRAN KE ARAH TADBIR URUS YANG BAIK		
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
BERLAKUNYA KEHILANGAN DAN KECUAIAN DALAM PENGURUSAN FAIL	MELAKSANAKAN PENDAFTARAN DAN PERGERAKAN FAIL MENGGUNAKAN BUKU DAFTAR ATAU SISTEM REKOD	PENTADBIRAN	5 TAHUN (2023-2028)
	MENGADAKAN PEMERIKSAAN DAN PENGAUDITAN FAIL SECARA BERKALA		5 TAHUN (2023-2028)
ASET ALIH TIDAK DIBERI TANDA PENGENALAN DAN NO SIRI PENDAFTARAN	MELAKSANAKAN PENDAFTARAN BAGI SETIAP ASET ALIH MENGIKUT NO SIRI YANG DITETAPKAN	TEKNIKAL	5 TAHUN (2023-2028)
PINJAMAN DAN PERGERAKAN ASET ALIH TIDAK DI REKOD MENGGUNAKAN BORANG PNJAMAN DAN PERGERAKAN ASET ALIH (KEW PA-9)	MELAKSANAKAN DAN MEWAJIBKAN SEMUA PERGERAKAN AST ALIH MENGGUNAKAN BORANG YANG DITETAPKAN	TEKNIKAL	5 TAHUN (2023-2028)
PROGRAM PENYELENGGARAN TIDAK DILAKSANAKAN MENGIKUT JADUAL YANG DITETAPKAN DAN PENYELENGGARAAN YANG DILAKSANAKAN TIDAK REKOD	PEMANTAUAN SECARA BERKALA BAGI MEMASTIKAN PENYELENGGARAAN DILAKSANAKAN MENGIKUT JADUAL YANG DITETAPKAN	TEKNIKAL	5 TAHUN (2023-2028)

BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN

BIDANG KEUTAMAAN	PEMASARAN		
STRATEGI 1	MENAMBAHBAIK PROSEDUR / POLISI PENYEWAAN		
OBJEKTIF STRATEGI	MEMPERTINGKATKAN PROSES PROSEDUR PENYEWAAN		
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
CAMPUR TANGAN PIHAK KETIGA DALAM PROSES PENYEWAAN (SURAT SOKONGAN)	MEWUJUDKAN POLISI PANDUAN PENYEWAAN YANG LEBIH KETAT	PENTADBIRAN	5 TAHUN (2023-2028)
PENETAPAN HARGA SEWAAN YANG TIDAK MENGIKUT POLISI YANG DITETAPKAN			5 TAHUN (2023-2028)
PEGAWAI MENERIMA RASUAH DALAM PENETAPAN HARGA SEWAAN DAN KELULUSAN MEMASTIKAN RUANG/LOT KEDAI TIDAK BOLEH DIWARISI.			

BIDANG KEUTAMAAN : TEKNIKAL

BIDANG KEUTAMAAN	TEKNIKAL		
STRATEGI 1	MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN INTEGRITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM		
OBJEKTIF STRATEGI	MEMPERKASAKAN PENTADBIRAN KE ARAH TADBIR URUS YANG BAIK		
RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN : GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
BERLAKUNYA KEHILANGAN DAN KECUAIAN DALAM PENGURUSAN FAIL	MELAKSANAKAN PENDAFTARAN DAN PERGERAKAN FAIL MENGGUNAKAN BUKU DAFTAR ATAU SISTEM REKOD	PENTADBIRAN	5 TAHUN (2023-2028)
	MENGADAKAN PEMERIKSAAN DAN PENGAUDITAN FAIL SECARA BERKALA		5 TAHUN (2023-2028)
ASET ALIH TIDAK DIBERI TANDA PENGENALAN DAN NO SIRI PENDAFTARAN	MELAKSANAKAN PENDAFTARAN BAGI SETIAP ASET ALIH MENGIKUT NO SIRI YANG DITETAPKAN	TEKNIKAL	5 TAHUN (2023-2028)
PINJAMAN DAN PERGERAKAN ASET ALIH TIDAK DI REKOD MENGGUNAKAN BORANG PNJAMAN DAN PERGERAKAN ASET ALIH (KEW PA-9)	MELAKSANAKAN DAN MEWAJIBKAN SEMUA PERGERAKAN AST ALIH MENGGUNAKAN BORANG YANG DITETAPKAN	TEKNIKAL	5 TAHUN (2023-2028)
PROGRAM PENYELENGGARAN TIDAK DILAKSANAKAN MENGIKUT JADUAL YANG DITETAPKAN DAN PENYELENGGARAAN YANG DILAKSANAKAN TIDAK REKOD	PEMANTAUAN SECARA BERKALA BAGI MEMASTIKAN PENYELENGGARAAN DILAKSANAKAN MENGIKUT JADUAL YANG DITETAPKAN	TEKNIKAL	5 TAHUN (2023-2028)

BAB 4

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

4.1 Mekanisme Pelaksanaan

4.2 Mekanisme Penyelarasan Pemantauan & Penilaian



MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Pelaksanaan OACP PSDM hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan kerjasama antara pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan, warga Jabatan, Pelanggan dan stakeholder. Bagi memastikan pelaksanaannya bergerak seiring dengan NACP, suatu Jawatankuasa pelaksanaan dan Pemantauan OACP PSDM hendaklah ditubuhkan seperti berikut:



- Menerima laporan Prestasi OACP daripada unit Integriti Negeri
 - Mengabsahkan dasar
 - Membuat keputusan selari dengan kepentingan Negeri
 - Mengenal pasti penyelesaian terbaik
-
- Memantau prestasi pelaksanaan inisiatif
 - Mendapatkan penjelasan daripada pihak pelaksana
 - Menyediakan laporan pencapaian OACP
 - Memperakukan laporan prestasi OACP untuk dikemukakan kepada JAR Negeri

MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) merupakan dokumen yang dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan oleh semua warga PSDM. OACP juga merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam memerangi rasuah. Pelan ini bermatlamat untuk menyumbang kepada pembaharuan strategi antirasuah di Malaysia.

Dalam mengenal pasti prestasi setiap strategi dan inisiatif, semua aktiviti akan sentiasa dipantau secara berkala. Urus setia Jawatankuasa OACP jabatan akan menyelaras setiap aktiviti dan Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) Negeri akan memantau dan menilai setiap pelan pelaksanaan. Di bawah adalah contoh mekanisme penyelarasan, pemantauan dan penilaian:

PENYELARASAN


PEMANTAUAN

- Menyenaraikan objektif program
- Memadankan aktiviti dan sumber dengan objektif
- Menterjemahkan objektif ke dalam indikator prestasi dan sasaran
- Membandingkan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pengumpulan data yang kerap)
- Melaporkan sebarang permasalahan kepada Jawatankuasa OACP Jabatan

PENILAIAN

- Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti
- Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat yang hendak dicapai
- Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan sebagaimana yang dirancang
- Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan

MEKANISME PENILAIAN



PENILAIAN

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) merupakan dokumen yang dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan oleh semua warga PSDM. OACP juga merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam memerangi rasuah. Pelan ini bermatlamat untuk menyumbang kepada pembaharuan strategi antirasuah di Malaysia.

1.MENGURANGKAN SALAHLAKU INTEGRITI DIKALANGAN WARGA PSDM

- TIADA KES-KES TATATERTIB YANG MELIBATKAN WARGA JABATAN
- TIADA ADUAN AWAM DITERIMA OLEH BPA DAN JABATAN
- TEGURAN AUDIT BERKURANG

2.MEWUJUDKAN SUASANA KERJA YANG MEMENTNGKAN SEMANGAT BERPASUKAN HARMONI, BERINTEGRITI, BERMORAL, BERETIKA SERTA MEMPUNYAI MINDA KELAS PERTAMA

- PELAPORAN STATISTIK AUDIT NILAI SEPANJANG TEMPOH PELAKSANAAN PELAN OACP PSDM 2023 - 2025

3.MEMUPUK KESEDARAN PEGAWAI UNTUK MELAPORKAN KESALAHAN RASUAH

- TIADA KES-KES MELIBATKAN WARGA JABATAN YANG DISIASAT OLEH SPRM
- PENINGKATAN TINDAKAN MELAPOR KESALAHAN RASUAH OLEH WARGA PSDM

BAB 5

KESIMPULAN



KESIMPULAN

Rasuah berasal daripada perkataan Arab "al risywar"³. Di dalam al-Quran, rasuah digolongkan dalam kata umum batil, iaitu meliputi juga perkataan jenayah lain seperti merompak, menipu dan memeras ugut. "MEMBERI DAN MENERIMA SUAPAN" adalah sebahagian daripada perbuatan dan kesalahan jenayah rasuah. Rasuah merupakan suatu jenayah atau kesalahan mengikut Akta Suruhaniava Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Manakala integriti membawa maksud kejujuran iaitu perihal jujur, ikhlas dan lurus hati, Integriti juga biasanya dihubungkan dengan nilai-nilai amanah, jujur, kebolehpercayaan dalam memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan diri. Dalam bahasa Arab, integriti dinisbahkan sebagai istiqamah, amanah, nazahah, kamal dan tamam.

Dalam usaha ke arah jabatan bebas rasuah dan berintegriti tinggi, PSDM amat komited untuk memantapkan pengukuhan integriti dan pencegahan rasuah secara berterusan supaya tidak ada pelaku-pelaku rasuah dalam jabatan.

Rasuah merupakan suatu gejala sosial yang diwarisi hampir dalam setiap masyarakat sejak mula peradaban. Ia merupakan suatu amalan yang universal tanpa batasan sempadan, negara, bangsa, kaum atau adat. Antara punca-punca kenapa amalan rasuah boleh berlaku adalah disebabkan sifat tamak haloba, integriti rendah, kelemahan tadbir urus, kelemahan dalam penguatkuasaan dan tarikan untuk mencapai kekayaan dan kesenangan dengan cepat dan mudah melalui jawatan dan kuasa yang dimiliki.

Selari dengan aspirasi Kerajaan iaitu "Menjadikan Malaysia Dikenali Kerana Integriti Bukan Rasuah" Pengurusan Tertinggi PSDM sentiasa memberi komitmen yang tinggi untuk memastikan setiap urusan dan perkhidmatan dilaksanakan sebaik mungkin berlandaskan prinsip ketelusan, integriti dan akauntabiliti yang tinggi bagi meningkatkan imej jabatan dalam menangani gejala rasuah.

Justeru itu, melalui Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PSDM, sebanyak 30 pelan tindakan melalui 3 strategi utama bersama telah digariskan bagi menangani masalah rasuah dan salah laku integriti dalam PSDM. OACP ini bukan hanya tertakluk kepada usaha pencegahan dan pengukuhan integriti PSDM dalam jangka masa tiga tahun malah akan berterusan seiring dengan kehendak Kerajaan.

Dalam memastikan kelestarian OACP, Komitmen Kerajaan dan Jabatan amat diperlukan terutama daripada segi tindakan memastikan sumber daya (contohnya sumber manusia dan Kewangan) dalam merealisasikan inisiatif yang telah dikenal pasti.

Inisiatif yang telah dikenal pasti akan dipantau dan dikaji dari semasa ke semasa. Pengurusan tertinggi PSDM juga akan sentiasa peka dengan perubahan semasa dengan mengambil kira semua maklum balas, dan cadangan daripada pelbagai pihak supaya inisiatif yang dirangka akan sentiasa relevan dan terus menjadi rujukan semua pihak terutamanya kakitangan PSDM dalam menangani salah laku dan jenayah rasuah.

